



SIARAN MEDIA

MESYUARAT MAJLIS PERUMAHAN MAMPU MILIK NEGARA (MPMMN) TAHUN 2023

PUTRAJAYA, 12 Disember 2023 - Perdana Menteri, YAB Dato' Seri Anwar Ibrahim, telah mempengerusikan Mesyuarat Majlis Perumahan Mampu Milik Negara (MPMMN) Bilangan 1 Tahun 2023 pada 11 Disember 2023. Mesyuarat turut dihadiri oleh YAB Menteri-Menteri Besar/ Ketua-Ketua Menteri/ Exco Perumahan Negeri, YB Menteri-Menteri Kabinet serta wakil agensi Penyedia Perumahan yang terdiri daripada Agensi Kerajaan Persekutan, Negeri dan Badan Berkanun serta pihak Pemaju Perumahan Swasta.

MPMMN merupakan *high-level council* yang membincangkan isu-isu perumahan antara Kerajaan Persekutuan, Kerajaan Negeri dan pemain industri. Semua pihak perlu memberikan komitmen yang tinggi dan menggembeng tenaga dalam usaha mewujudkan ekosistem perumahan yang mencerminkan keupayaan, kemampuan dan permintaan sebenar pasaran. Intervensi Kerajaan bagi golongan kumpulan sasar ini amat diperlukan kerana tahap kemampuan mereka masih rendah untuk memiliki rumah pada harga pasaran. Pihak swasta juga perlu berganding bahu membina rumah pada harga yang mampu dimiliki oleh lokaliti.

MPMMN juga telah membincangkan dan menyelaras hala tuju perancangan, penyelarasan serta pemantauan bagi penyediaan 500,000 unit rumah mampu milik (RMM) yang disasarkan di dalam Rancangan Malaysia Ke-12. Sehingga 30 September 2023, **sebanyak 423,645 unit kediaman mampu milik sedang dilaksanakan dengan 274,258 unit (54.9%) di peringkat siap dan sedang dibina.** Kerajaan amat positif penyediaan RMM ini dapat direalisasikan sebagaimana yang disasarkan demi menampung bekalan RMM kepada kumpulan sasar di seluruh negara.

Kerajaan Perpaduan melalui Kementerian Pembangunan Kerajaan Tempatan (KPKT) akan terus menjadikan penyediaan perumahan mampu milik sebagai agenda utama dalam usaha memastikan setiap rakyat mempunyai tempat tinggal (*shelter for all*) terutamanya kumpulan B40 dan M40. Anjakan utama perumahan rakyat akan terus ditambah baik bagi mewujudkan tempat tinggal yang selamat dan selesa. Keharmonian negara bermula dari tempat tinggal yang selesa dan harmoni. Pembentukan masyarakat MADANI juga didukung oleh komuniti yang berkualiti dan komprehensif.

MPMMN Bilangan 1 Tahun 2023 ini telah mempertimbangkan sebanyak empat (4) kertas kerja melibatkan tiga (3) kertas pertimbangan dan satu (1) kertas pemakluman. Ia melibatkan Kertas Pembentangan berkaitan **Pelaksanaan Rumah Mampu Milik, Perumahan Inklusif Madani** dan **Cadangan Penubuhan Tabung Perumahan Negara** serta Kertas Pemakluman mengenai **Kesan Kenaikan Kadar Dasar Semalaman (OPR) ke atas Pinjaman Perumahan**.

Kajian Dasar Perumahan Negara yang sejajar dengan kerangka dasar MADANI dan Ekonomi MADANI akan dilaksanakan bagi memacu pertumbuhan industri perumahan di Malaysia. Pihak Kerajaan Negeri juga disarankan supaya menambah baik dasar dan polisi perumahan di negeri yang sejajar dengan Kerajaan persekutuan supaya keperluan perumahan mengikut lokaliti dapat diterjemahkan secara holistik.

Konsep Perumahan Inklusif MADANI akan dijadikan teras di dalam pembangunan perumahan mampu milik pada masa hadapan. Pada masa ini Kerajaan sedang mengenal pasti tapak-tapak strategik yang bersesuaian untuk pembangunan. Sebagai permulaan Projek Rintis Perumahan Inklusif ini akan dilaksanakan di kawasan bandar-bandar utama. Kediaman yang terdiri dari pelbagai keluasan ini disediakan bagi memenuhi kehendak dan keperluan pelbagai kumpulan sasar seperti belia, keluarga muda dan warga emas.

Cadangan penubuhan Tabung Perumahan Negara (TPN) bagi meningkatkan keupayaan dan aksesibiliti rakyat memiliki rumah, khususnya golongan muda turut diteliti. Penubuhan TPN secara berfasa ini dijangka akan menangani isu kediaman siap dibina yang tidak terjual (*overhang*) serta masalah *unbankability*.

Kerajaan komited menjayakan agenda pemilikan kediaman sebagai keutamaan di samping menyediakan segmen perumahan swasta sebagai alternatif kepada golongan berpendapatan rendah dan pertengahan yang masih belum mampu memasuki perumahan swasta namun tidak layak untuk menyertai program perumahan sosial yang disediakan Kerajaan. Peranan dan kerjasama Kerajaan Persekutuan, Kerajaan Negeri dan Pemaju Swasta amat penting untuk menjamin kelangsungan dasar-dasar dan inisiatif Kerajaan supaya dapat dilaksanakan dan memberi manfaat kepada rakyat.

#MalaysiaMADANI
#StrongerTogether
#UnityInDiversity
#DemiPertawi

Kementerian Pembangunan Kerajaan Tempatan (KPKT) terdiri daripada lapan Jabatan/agensi kerajaan iaitu 1. Jabatan Bomba dan Penyelamat Malaysia, 2. Jabatan Perumahan Negara, 3. Jabatan Kerajaan Tempatan, 4. Jabatan Pengurusan Sisa Pepejal Negara, 5. PlanMalaysia, 6. Jabatan Lanskap Negara, 7. Tribunal Perumahan dan Pengurusan Strata dan 8. Institut Latihan Perumahan dan Kerajaan Tempatan. Agensi lain di bawah KPKT ialah Solid Waste Corporation Malaysia (SWCorp), Urbanice Malaysia, Syarikat Perumahan Negara Berhad (SPNB) dan Perbadanan PR1MA Malaysia (PR1MA).

*Dikeluarkan Oleh : Unit Komunikasi Korporat
b.p. Ketua Setiausaha
Kementerian Pembangunan Kerajaan Tempatan
Telefon : 03-8891 5555 | Faks : 03-8891 5557 | E-mel : media.ukk@kpkt.gov.my*

